

PANDUAN MENGISI BORANG PENDAFTARAN PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (ULANGAN)

Calon hendaklah membaca semua arahan dengan teliti sebelum mengisi Borang Pendaftaran Peperiksaan SPM(U). Borang hendaklah diisi dengan tulisan tangan calon sendiri menggunakan pena mata bola berdakwat hitam sahaja.

1. **Tahun** - Tulis tahun calon menduduki peperiksaan SPM(U) semasa.

2. **Nama Calon** - Tulis nama calon dengan **HURUF BESAR** seperti yang tercatat dalam kad pengenalan. Gunakan satu petak bagi setiap satu abjad. Kosongkan petak di antara dua perkataan. Gunakan singkatan yang boleh difahami jika petak tidak mencukupi seperti:-

BIN menjadi B, BINTI menjadi BT, ANAK LELAKI menjadi A/L, ANAK PEREMPUAN menjadi A/P, "Alias" menjadi @ atau /, ANAK menjadi AK.

Contoh : MOHD KAMAL @ KAMARUL BIN MOHAMAD SHAFI'E

M	O	H	D		K	A	M	A	L	/	K	A	M	A	R	U	L		B		M	O	H	D		S	H	A	F	I	'	E				
---	---	---	---	--	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	--	---	--	---	---	---	---	--	---	---	---	---	---	---	---	--	--	--	--

3. **Nombor Kad Pengenalan** - Tulis nombor kad pengenalan calon. Gunakan satu petak bagi setiap satu angka kad pengenalan. Tulis dari petak pertama sebelah kiri. Tuliskan L dalam petak pertama jika calon tiada kad pengenalan.

Contoh 1 : No. KP baru - 930907-10-5423, Contoh 2 : No. KP lama - A1274542, Contoh 3 : Tiada KP

9	3	0	9	0	7	-	1	0	-	5	4	2	3
A	1	2	7	4	5	4	2						
L													

4. **Tarikh Lahir** - Tulis tarikh lahir calon seperti yang tercatat dalam kad pengenalan. Gunakan satu petak bagi setiap satu angka tarikh lahir. Tulis angka 0 pada petak sebelah kiri nombor jika nombor bagi hari atau bulan lahir calon satu digit. Contoh : 6.5.1993

0	6	-	0	5	-	1	9	9	3
---	---	---	---	---	---	---	---	---	---

5. **Jantina** - Pilih dan tulis kod seperti berikut:- 1 Lelaki 2 Perempuan

6. **Keturunan** - Pilih dan tulis kod seperti berikut:- 1 Melayu/Bumiputra, 2 Cina, 3 India, 4 Lain-lain, 5 Warganegara asing

7. **Agama** - Pilih dan tulis kod seperti berikut:- 1 Islam, 2 Lain-lain

8. **Kod Peperiksaan Dahulu** - Pilih dan tulis kod seperti berikut:-

1 Mereka yang **mempunyai sijil** mana-mana peperiksaan SPM/SPM(V)/SPVM/MCE/SC/FMC

3 Mereka yang pernah menduduki SPM/SPM(V)/SPVM/MCE/SC/FMC atau hanya **mempunyai sijil SAP/GCE/Pernyataan Keputusan SPM**.

9. **Jenis Kemasukan** - Pilih dan tulis kod seperti berikut:- 8 Calon baru, 9 Calon mengulang

10. **Jenis Kecacatan** - Pilih dan tulis kod seperti berikut:- A - Terencat Akal, B - Buta, C - Pelbagai Kecacatan/Ketidakupayaan Lain Disleksia/*Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD)/*Attention Deficit Disorder* (ADD)/ Autisme/ Learning Disabilities (LD), D - Bisu, P - Pekak, R - Rabun, S - Spastik/Cerebral Palsy

11. **Tahun Peperiksaan SPM/SPM(U) Terakhir**, 12. **Angka Giliran SPM/SPM(U) Terakhir**, 13. **No. Kad Pengenalan yang digunakan dalam Peperiksaan Terakhir**
Jika calon menggunakan Kod Jenis Kemasukan 9, tulis tahun, angka giliran dan nombor kad pengenalan yang calon gunakan dalam peperiksaan SPM/SPM(U) terakhir.

14. **Gred Keputusan Bahasa Melayu SPM/SPMU dahulu**. (Sila sertakan salinan keputusan peperiksaan SPM/SPM(U) dahulu bersama borang pendaftaran)

Tulis alamat surat menyurat calon dengan lengkap iaitu nombor rumah, jalan, taman/kampung, poskod, bandar dan negeri.

15. **Alamat**, 16. **Poskod**, 17. **Bandar**, 18. **Negeri**

19. **Nombor Telefon** - Tulis nombor telefon rumah dan telefon bimbit calon yang boleh dihubungi.

20. **Pendaftaran Mata Pelajaran**

Tandakan 'X' dalam petak bersebelahan kod mata pelajaran yang calon pilih.

Pemilihan Pusat Peperiksaan

Rujuk senarai nama dan kod pusat peperiksaan yang dikeluarkan oleh pihak SPP, JPN tempat calon mendaftar.

21. **Senarai Semak** - Gunakan senarai semak sebagai rujukan untuk memastikan keperluan pendaftaran adalah lengkap.

22. **Keterangan Bayaran** - Tulis maklumat bayaran bagi mata pelajaran yang calon daftar. Tulis juga maklumat tentang Kiriman Wang atas nama Pengarah Pelajaran Negeri untuk bayaran tersebut.

23. **Pengakuan Calon** - Calon hendaklah membaca pernyataan pengakuan calon. Calon dinasihat untuk menyemak butiran maklumat diri, maklumat mata pelajaran dan bayaran. Setelah itu turunkan tandatangan calon dan tarikh.